



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA

BAHAGIAN PENGURUSAN SEKOLAH BERASRAMA PENUH  
DAN SEKOLAH KECEMERLANGAN

PENTAKSIRAN DIAGNOSTIK AKADEMIK SBP 2016  
PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA

**PERATURAN PEMARKAHAN**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA**

**AMARAN**

Peraturan pemarkahan ini **SULIT** dan **Hak Cipta Bahagian Sekolah Berasrama Penuh dan Sekolah Kecemerlangan, Kementerian Pelajaran Malaysia**. Kegunaannya khusus untuk pemeriksa yang berkenaan sahaja. Sebarang maklumat dalam peraturan pemarkahan ini tidak boleh dimaklumkan kepada sesiapa. Peraturan pemarkahan ini tidak boleh dikeluarkan dalam apa-apa juabentuk penulisan dan percetakan.

**Markah penuh: 110 markah****Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah  
 (b) Bahasa - **10** markah

(a) **Isi** [20 markah]

**Nota:**

- (i) Panduan mengira perkataan  
 Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan:  
 J nama khas  
 J perkataan berulang  
 J penggunaan kata sendi di dan ke  
 J tarikh  
 J angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan  
 J gelaran
- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.  
 (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.  
 (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

<b>Bahagian</b>	<b>Markah</b>									<b>Markah</b>
(i) Pendahuluan										<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/ Kesimpulan										<b>2</b>
	<b>Jumlah Markah</b>									<b>20</b>

### Soalan 1: Rumusan

**Pendahuluan** (2 markah)

- P1. **Petikan** membincangkan **usaha-usaha/cara-cara** untuk memperkasakan penglibatan wanita dalam bidang ekonomi **di Malaysia/ di negara ini.** [2m]
- P2. **Rumusan** membincangkan **usaha-usaha/cara-cara** untuk memperkasakan penglibatan wanita dalam bidang ekonomi dan **kekangannya.** [2m]
- P3. **Petikan** membincangkan **usaha-usaha/cara-cara** untuk memperkasakan penglibatan wanita dalam bidang ekonomi. [1m]

**Isi Tersurat (Langkah-langkah untuk memperkasakan penglibatan wanita dalam bidang ekonomi) (4 hingga 12 markah)**

- S1. Perdana Menteri, Dato' Sri Mohd. Najib Tun Razak menyeru supaya **sektor swasta meningkatkan penyertaan wanita dalam jawatan peringkat tertinggi.** [2m]
- S2. Beliau juga menyarankan agar **syarikat korporat** membuka mata untuk **menilai kebolehan wanita dari sudut yang lebih signifikan.** [2m]
- S3. **Kerajaan** mengambil inisiatif **menggubal Dasar Wanita Negara.** [2m]
- S4. Menjamin **perkongsian yang saksama** antara lelaki dan wanita dalam pemilikan sumber dan maklumat. [2m]
- S5. **Meneroka peluang dan faedah** yang wujud daripada pembangunan. [2m]
- S6. Usahawan wanita disarankan agar **mendaftar dengan mana-mana persatuan usahawan.** [2m]
- S7. Mendekatkan diri dengan **jaringan yang sesuai** dan menjalinkan **rangkaian yang lebih luas.** [2m]
- S8. Berusaha **merebut peluang atau peruntukan** yang boleh dimanfaatkan. [2m]
- S9. **Jabatan Pembangunan Wanita** (mesti ada) juga perlu **meningkatkan kerjasama** dengan institusi lain. [2m]

**Isi Tersirat (Kekangannya)**

- T1. **Sikap** usahawan wanita yang **takut/ tidak berani menanggung risiko.** [2m]
- T2. Pelbagai pihak **memandang rendah** terhadap **kemampuan usahawan wanita.** [2m]
- T3. **Monopoli kaum lelaki** dalam bidang ekonomi. [2m]
- T4. Kesukaran untuk mendapatkan **bantuan modal/ pinjaman.** [2m]
- T5. **Komitmen** wanita terhadap **keluarga.** [2m]

**Kesimpulan** (2 markah)

**Kesimpulannya**, penglibatan wanita dalam bidang ekonomi **perlu** digalakkan **agar** negara maju dapat direalisasikan. [2m]

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20 15 – 17	9 – 10 7 – 8	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi baik</li> <li>- Struktur ayat/ tatabahasa baik</li> <li>- Kosa kata luas</li> <li>- Tanda bacaan/ ejaan betul</li> </ul>
Sederhana	12 – 14 8 – 11	6 – 7 4 – 5	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Kesinambungan isi masih baik</li> <li>- Struktur ayat/ tatabahasa masih memuaskan</li> <li>- Kosa kata masih memuaskan</li> <li>- Tanda bacaan/ ejaan juga memuaskan</li> </ul>
Lemah	1 - 7	1 - 4	<ul style="list-style-type: none"> <li>- Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan/ tidak memuaskan</li> </ul>

**Nota**

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa **maksimum : 10 markah**]

**Soalan 2**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

Soalan 2(a) : **9** markah

Soalan 2(b) : **9** markah

Soalan 2(c) : **8** markah

Soalan 2(d) : **9** markah

**Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap/ sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah :

DESKRIPSI	MARAH
- Jawapan tepat mengikut konteks/ isi cukup dan ayat gramatis	2
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup	1
- Jawapan kurang tepat/ isi tidak cukup tetapi ayat gramatis	1
- Jawapan tidak tepat/salah	0

2. Soalan 3 markah:

DESKRIPSI	MARAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	3
- Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat gramatis	
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

## 3. Soalan 4 markah:

DESKRIPSI	MARKAH
- Isi cukup dan lengkap/ relevan dengan tugasan dan ayat gramatis	4
- Isi cukup dan lengkap/ relevan tetapi ayat kurang gramatis.	3
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
- Isi tidak cukup/ kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
- Isi tidak betul/ tidak relevan dengan tugasan, ayat gramatis	0

**Soalan 2(a) : Petikan Umum**

(i) **Maksud** rangkai kata meningkatkan status:

- menaikkan/ meninggikan taraf/ kedudukan [2 markah]
- meningkatkan taraf/ kedudukan [1 markah]
- menaikkan/ meninggikan status [1 markah]

(ii) **Maklumat** yang didapati oleh usahawan wanita jika mereka mendaftar dengan mana-mana persatuan usahawan:

- peluang untuk mengembangkan perniagaan
- meningkatkan pengetahuan dalam bidang keusahawanan
- membina rangkaian kerja yang lebih kukuh.

**[Maksimum: 3 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

(iii) Kemahiran-kemahiran yang perlu dikuasai oleh usahawan wanita agar mereka lebih cemerlang dalam bidang keusahawanan:

- **Kemahiran dalam bidang teknologi maklumat dan komputer** + untuk memperluas jaringan dan rangkaian perniagaan/ strategi pemasaran [1+1]
- **Kemahiran dalam pengurusan akaun/ kewangan** + agar pengurusan kewangan syarikat lebih sistematik [1+1]
- **Kemahiran dalam pengurusan pentadbiran syarikat** + supaya syarikat dapat ditadbir dengan baik [1+1]
- **Kemahiran dalam perkembangan inovasi dan kreativiti** + untuk menerokai pasaran baru/ mencari penemuan terbaharu [1+1]
- **Kemahiran dalam bidang komunikasi** + untuk memudahkan urusan dengan pelanggan/ pembekal [1+1]

**[Maksimum: 4 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi (1 isi + 1 huriaian)]**

**[Atau : 3 isi tanpa huriaian]**

**Soalan 2(b) : Petikan Prosa Moden**

- (i) **Maksud** di sebalik nama Aiman Aqil  
 - Insan yang dianugerahi akal untuk berfikir secara rasional dan matang.
- [ Maksimum: 2 markah]
- (ii) **Insentif-insentif** untuk mengembangkan potensi murid-murid cerdik  
 - Menawarkan peluang belajar di Permata Pintar Negara  
 - Memberikan biasiswa khas untuk menyambung pelajaran di universiti-universiti terkemuka di dalam dan luar negara  
 - Memberi peluang kepada mereka untuk mendalamidi bidang yang diminati  
 - Menawarkan laluan terus untuk menamatkan zaman persekolahannya lebih awal (lompat kelas)
- [ Maksimum: 3 markah]  
 [Isi cukup: 2 isi]
- (iii) **Satu persoalan dalam petikan:**
- **Persoalan kebanggaan terhadap identiti diri**  
 Aiman Aqil bangga akan nama yang diberikan kerana nama tersebut mempunyai makna yang baik. [1+1]
  - **Persoalan kepekaan akan situasi sekeliling**  
 Aiman cepat-cepat membetulkan jawapannya apabila dia menyedari wajah Cikgu Faridah berubah dengan jawapan awal yang diberikannya. [1+1]
  - **Persoalan adab menuntut ilmu**  
 Sikap Aiman yang tidak serius memberikan respons terhadap soalan Cikgu Faridah telah menyebabkan Cikgu Faridah naik marah. [1+1]

**Satu persoalan dalam keseluruhan cerpen:**

- **Persoalan sikap memandang rendah terhadap keupayaan orang lain**  
 Aiman menyindir adik-adiknya dan rakannya Chee Keong kerana lambat menyelesaikan tugas Matematik [1+1]
  - **Persoalan peranan ibu bapa dalam keluarga**  
 Ayah dan ibu Aiman ingin mengetahui punca Aiman ponteng sekolah. [1+1]
  - **Persoalan ketegasan guru dalam mendidik pelajar**  
 Guru kelas Aiman member amaran keras kepadanya kerana mengganggu akan-rakan. [1+1]
  - **Persoalan kasih sayang seorang ibu**  
 Ibu Aiman begitu tersentuh hati apabila melihat Aiman dirotan oleh ayahnya. [1+1]
- [Maksimum: 4 markah]  
 [Isi cukup: 2 isi]

**Soalan 2(c) : Petikan Prosa Tradisional**

(i) **Maksud** mengadukan halnya:

- melaporkan/ memberitahu perkaryanya/ masalahnya [2 markah]
- melaporkan/ memberitahu halnya [1 markah]
- mengadukan masalahnya [1 markah]

**[Maksimum: 2 markah]**

(ii) **Peringatan-peringatan** yang diberikan oleh Tun Perak kepada Seri Amerta:

- menjaga pedang sebilah itu baik-baik
- pedang itu jangan diberi berkarat
- pedang itu jangan kemakanan matanya

**[Maksimum: 3 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

(iii) Tun Perak **wajar** menyuruh orang Kelang datang ke Melaka untuk berperang dengan membawa anak dan isteri mereka kerana:

- Mereka akan berlawan menentang musuh dengan sepenuh hati/ bersungguh-sungguh
- Mereka akan berasa senang hati apabila anak dan isteri mereka berdekatan dengan mereka
- Mereka akan dapat menjaga keselamatan anak dan isteri mereka di samping mempertahankan negeri Melaka

**[Maksimum: 3 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

**Atau**

Tun Perak **tidak wajar** menyuruh orang Kelang datang berperang dengan membawa anak isteri mereka kerana:

- Mereka tidak dapat fokus terhadap perperangan yang berlangsung
- Anak dan isteri mereka akan berhadapan dengan risiko kecederaan/ kematian
- Keselamatan anak dan isteri mereka akan terancam apabila diketahui oleh pihak musuh

**[Maksimum: 3 markah]**

**[Isi cukup: 2 isi]**

**Soalan 2(d) : Pemahaman Puisi Moden/Sajak**

(i) Maksud rangkap kelima gurindam

- Nafsu makan perlu dikawal supaya kita tidak melakukan perkara yang dilarang.
- Apabila kenyang, mudah untuk melakukan kemungkaran

**[Maksimum: 2 markah]**

(ii) Perlu menjaga tingkah laku agar

- Kita akan disenangi oleh masyarakat
- Kita akan dipandang tinggi oleh anggota masyarakat
- Ibu bapa akan berasa bangga
- Kita akan disayangi oleh rakan-rakan/ ahli keluarga
- Kita akan mendapat ramai kenalan

**[Maksimum: 3 markah]****[Isi cukup: 2 isi]****(Jawapan lain yang sesuai boleh diterima)**

(iii) Dua nilai yang dapat diamalkan oleh pelajar pada hari ini.

- Nilai kebijaksanaan
- Contohnya kebijaksanaan dalam menuturkan kata-kata.
- Nilai kesederhanaan
- Contohnya kesederhanaan ketika menghadap rezeki
- Nilai kesabaran
- Contohnya kesabaran memelihara mata melihat perkara yang negatif

**[ Maksimum : 4 markah ]**

### Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

**Perhatian bagi soalan 3(a)**

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi kesalahan ejaan/ jalan bahasa/ tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
4. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak  $\frac{1}{2}$  markah bagi setiap ayat.
5. Jika kedua-dua perkataan dibina dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
6. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
7. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
8. Isi tidak jelas, tolak  $\frac{1}{2}$  markah.

**Jawapan 3(a)**

(i) **menelan**

- memamah serta menelan, melulur, menghisap sesuatu,dll
- menggunakan (menghabiskan, memerlukan,dll masa, wang)
- melukai,menembusi senjata
- mengikut nasihat dll

(ii) **memotong**

- mengerat, memenggal, menyembelih
- menuai
- mengunting
- memintasi percakapan
- menoreh
- mengurangkan (gaji)

(iii) **menahan**

- menguatkan diri supaya tahan
- menyekat atau merintangi
- mengekang
- mengurung, memenjarakan
- tidak membiarkan lepas
- memasang jerat

[6 markah]

3b) Tukarkan ayat susunan biasa kepada susunan songsang

- (i) Pak Ahmad telah menjual sawah di hujung kampung itu.
  - Telah menjual sawah di hujung kampung itu, Pak Ahmad.
  - (Pendepan keseluruhan predikat)
  - Telah menjual sawah Pak Ahmad di hujung kampung itu
  - (Pendepan sebahagian predikat – frasa kerja)
  
- (ii) Keropok lekor sangat popular di Terengganu kerana rasanya yang enak.
  - Sangat popular di Terengganu kerana rasanya yang enak, keropok lekor. (Pendepan seluruh predikat)
  - Di Terengganu keropok lekor sangat popular kerana rasanya yang enak. (Pendepan frasa sendi nama sebagai unsur keterangan dalam ayat)
  - Sangat popular keropok lekor di Terengganu kerana rasanya yang enak. (Pendepan sebahagian predikat – frasa adjektif)
  
- (iii) Dedaun kering berguguran di halaman rumah apabila angin bertiup kencang.
  - Di halaman rumah dedaun kering berguguran apabila angin bertiup kencang. (Pendepan frasa sendi nama sebagai unsur keterangan dalam ayat)
  - Berguguran dedaun kering di halaman rumah apabila angin bertiup kencang. (Pendepan sebahagian predikat – frasa kerja)
  - Berguguran di halaman rumah apabila angin bertiup kencang, dedaun kering. (Pendepan seluruh predikat)

[6 markah]

3(d)

- (i) latihan - kursus  
Senarai nama-nama – Senarai nama
  
- (ii) sesal – kesal  
dia suka - disukainya / disukai olehnya / disukai oleh dia
  
- (iii) menyanyikan - mendodoikan  
puisi lama-puisi lama - puisi-puisi lama

[6 markah]

- (i) Tangan kosong:

Maksud - Hampa/ kecewa

Contoh ayat: Pak Kaduk pulang dengan tangan kosong setelah menyedari Biring Si Kunani yang memenangi pertandingan laga ayam itu bukan miliknya lagi.

- (ii) Bagai bulan jatuh ke riba:

Maksud- Mendapat untung yang banyak

Contoh ayat: Siti mendapat keuntungan yang banyak bagai bulan jatuh ke riba apabila kuih-muih di gerainya habis dijual.

- (iii) Ular yang menyusur akar takkan hilang bisanya:

Maksud - Orang besar/kenamaan/berpengaruh jika merendah diri tidak akan jatuh martabat yang dimilikinya.

Contohhayat: Putera raja itu tidak berasa kekok untuk bergaul mesra dengan orang kebanyakannya kerana baginda sedar bahawa ular yang menyusur akar takkan hilang bisanya.

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Peraturan pemarkahan bagi Soalan 4**

- a) (i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.  
(ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
(iii) Markah isi maksimum 4 (maksimum 2 markah bagi setiap).  
(v) Markah bahasa maksimum 3.  
(vi) Markah bahasa diberi secara impression.

Baik : 3 markah

Sederhana : 2 markah

Lemah : 1 markah

- (vii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.  
(viii) Calon tidak menjawab 0 markah.

**[Maksimum : 7 markah]**

- b) i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.  
ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap.  
iii) Beri 1 markah bagi setiap latar tempat  
iv) Beri 2 markah bagi setiap huraian/contoh yang betul untuk setiap latar tempat.  
v) Markah isi maksimum 6 (maksimum 3 markah bagi setiap latar tempat).  
vi) Markah bahasa maksimum 2.  
vii) Markah bahasa diberi secara impression  
i. Baik : 2 markah  
ii. Lemah : 1 markah

Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa.

Calon tidak menjawab 0 markah.

Jawapan 4(a)

<b>NOVEL</b>	<b>Leftenan Adnan Wira Bangsa</b>
Watak utama	Leftenan Adnan bin Saidi
Isi	Berani menentang musuh
Huraian / contoh	Leftenan Adnan berani berjuang menentang tentera Jepun di Bukit Candu sehingga ke titisan darah terakhir walaupun tanpa senjata
Isi	Bijak dalam mengesan strategi musuh
Huraian / contoh	Leftenan Adnan bijak mengesan helah tentera Jepun yang menyamar sebagai tentera India yang memakai turban ketika menyerang askar Melayu di Pasir Panjang
Isi	Berani mencuba sesuatu yang baharu
Huraian / contoh	Leftenan Adnan berusaha dengan bersungguh-sungguh untuk menyertai pertandingan pidato bahasa Inggeris yang diumumkan oleh Cikgu Nazri.

<b>NOVEL</b>	<b>Jendela Menghadap Jalan karya Rohaini Matdarin.</b>
Watak utama	Lili
Isi	Suka berkawan dan peramah.
Huraian / contoh	Lili berkenalan dengan seorang pelajar tahun satu Jurusan Kejuruteraan Awam, Universiti Malaya yang bernama Geetha ketika mereka sama-sama di dalam bas menuju ke daerah Dungun, Terengganu.
Isi	Keprihatinannya terhadap masalah orang lain.
Huraian / contoh	Prihatin dan meminta bantuan Kak Hamimah supaya mengambil tindakan terhadap suami Che Jah yang melakukan jenayah keganasan rumah tangga.
Isi	Suka belajar sesuatu yang baharu.
Huraian / contoh	Lili suka membaca buku berkaitan dengan panduan pemakanan dan sayur-sayuran selain suka mempelajari ilmu agama daripada datuknya.

<b>NOVEL</b>	<b>Di Sebalik Dinara kara Dayang Noor</b>
Watak utama	Farisha
Isi	Gadis yang genius dan pakar dalam penggodaman IT
Huraian / contoh	Farisha dan Rosman telah ditawarkan oleh Dr. Maxi sebanyak RM 1.5 juta untuk tugas menggodam tiga kelompok komputer SoftLab dalam tempoh empat minggu.
Isi	Amat mementingkan kesempurnaan.
Huraian / contoh	Pakaiannya disusun mengikut kategori dan warna. Semua benda akan disusun mengikut kategori, warna, kegunaan dan pelbagai peraturan yang diciptanya sendiri.
Isi	Keberanian menyahut cabaran.
Huraian / contoh	Farisha meneruskan usahanya untuk membersihkan virus bom jangka dan mengatasi semua kelemahan dinara.

<b>NOVEL</b>	<b>Pantai Kasih karya Azmah Nordin</b>
Watak utama	Raiha
Isi	Tabah menghadapi dugaan dalam kehidupan.
Huraian / contoh	Raiha tabah menghadapi kematian anak perempuannya yang istimewa.
Isi	Bijak membuat keputusan.
Huraian / contoh	Raiha bijak dalam membuat keputusan untuk membedah Doktor Uwang yang mengalami kecederaan teruk pada pergelangan tangan dan tempurung lutut selepas merempuh tembok Pusat Rawatan Kasih.
Isi	Berani menyahut cabaran.
Huraian / contoh	Raiha menyahut cabaran membedah Unong Siron walaupun sepatutnya pembedahan itu dilakukan oleh Doktor Uwang tetapi atas kepercayaan yang diberikan menjadikannya bersetuju untuk membedah pesakit itu buat kali keenam.

<b>NOVEL</b>	<b>Tirani karya Beb Sabariah</b>
Watak utama	Waheeda
Isi	Bijak merencana masa hadapan
Huraian / contoh	Waheeda bijak memilih jurusan pengurusan perniagaan dan pelancongan semasa belajar di Universiti Teknologi Malaysia kerana selari dengan citacitanya untuk menjadi seorang usahawan
Isi	Menghargai budaya dan warisan bangsa
Huraian / contoh	Waheeda telah menggantungkan pua kumbu Sarawak di pintu masuk Restoran Iwana Chalet Aya-Sajinah, Cameron Highlands untuk melambangkan budaya dan integrasi nasional.
Isi	Sabar menghadapi fitnah
Huraian / contoh	Waheeda sabar menghadapi fitnah daripada suaminya iaitu Zahid yang menuduhnya mengadakan hubungan sulit dengan seorang lelaki dari Dubai.

<b>NOVEL</b>	<b>Songket Bebenang Emas karya Khairuddin Ayip</b>
Watak utama	<b>Dahlia</b>
Isi	Bertanggungjawab terhadap ahli keluarganya.
Huraian / contoh	Dahlia bertanggungjawab menjaga makan minum abah dan adik-adiknya setelah emaknya dirawat di hospital.
Isi	Menghormati tetamu yang bertandang ke rumahnya.
Huraian / contoh	Dahlia melayan neneknya degan baik dan menghidangkan air walaupun neneknya tidak suka akan keluarganya. Dahlia juga menghidangkan air bujang ketika Kavita dan Najib bertandang ke rumahnya.
Isi	Memiliki jiwa yang kuat untuk mengharungi dugaan hidup.
Huraian / contoh	Dahlia tabah mengharungi kehidupannya walaupun ibunya menghidap penyakit kemurungan manakala bapanya telah dipatuk ular.

<b>NOVEL</b>	<b>Silir Daksina karya Nizar Parman</b>
Watak utama	Haiqal
Isi	Menghormati orang tua.
Huraian / contoh	Walaupun Haiqal telah melukai hati uminya, dia tetap memberitahu pergerakannya dan aktivitinya di Johor sebagai tanda hormat kepada ibunya.
Isi	Keinginan mencuba sesuatu perkara baharu.
Huraian / contoh	Haiqal banyak menghabiskan masa bersama dengan penduduk Kampung Seri Purnama di balai raya untuk membuat latihan zapin.
Isi	Menghargai orang lain.
Huraian / contoh	Haiqal banyak mempelajari mengenai kelapa sawit daripada dua orang kampung yang mengambil upah memotong buah kelapa sawit iaitu Bidin dan Salleh.

<b>NOVEL</b>	<b>Bima Sakti Menari karya Sri Rahayu Mohd Yusop</b>
Watak utama	Nurul Hafsa
Isi	Bijak bagi menyelesaikan masalah.
Huraian / contoh	Nurul Hafsa mengemukakan hujah bijak yang dapat diterima oleh kumpulan pengunjung Balai Cerap Sultan Salahuddin, Kuala Selangor pada malam bintang tidak dapat dicerap dengan mata kasar akibat langit tidak menjadi gelap pada waktu malam.
Isi	Taat kepada perintah agama dengan menjaga batas pergaulan.
Huraian / contoh	Nurul Hafsa ditemani Budiman ketika berbincang dengan Muhammad Taufik di bilik tutorial di Perpustakaan Awam Sultan Syarafuddin, Kuala Selangor kerana mereka bukan mahram.
Isi	Mempunyai keazaman yang tinggi.
Huraian / contoh	Nurul Hafsa berasa amat gembira apabila Budiman menyokong usahanya untuk menyelamatkan Kuala Selangor daripada terus tercemar akibat pembangunan yang tidak terancang.

**Jawapan 4 (b)****(i) Leftenan Adnan Wira Bangsa**

	<b>Latar Tempat (1m)</b>	<b>Huraian – Peristiwa (2m)</b>
1	Pusat Latihan Tentera Darat, Port Dickson	Tempat Leftenan Adnan menerima latihan setelah diterima memasuki tentera.
2	Kg. Sg. Ramal	Tempat Adnan dan adik-adiknya dibesarkan di rumah ayahnya di Kg. Sg. Ramal
3	Bukit Candu, Singapura	Tempat Leftenan Adnan dan pasukan Rejimen Askar Melayu bertempur dengan tentera Jepun sehingga ke titisan darah yang terakhir.

**(ii) Jendela Menghadap Jalan**

	<b>Latar Tempat (1m)</b>	<b>Huraian – Peristiwa (2m)</b>
1	Rumah Lili di Kuala Lumpur	Ibu mengejutkan Lili daripada tidur untuk bersiap-siap pergi ke Kuala Terengganu.
2	Rumah nenek Lili di Kampung Sentosa	Lili menghabiskan cuti persekolahannya di rumah nenek dan datuknya di Kampung Sentosa.
3	Perhentian Pekan Sentosa	Lili dan Daniel turun di perhentian Pekan Sentosa dan Lili dijemput oleh Abang Rashid.
4	Kedai Letchumi	Nenek membawa Lili ke Kedai Letchumi dan Lili bertemu dengan Geetha semula.

**(iii) Di Sebalik Dinara**

	<b>Latar Tempat (1m)</b>	<b>Huraian – Peristiwa (2m)</b>
1	Lapangan Terbang Senai di Johor	Farisha bertemu dengan Aqram buat kali yang pertama.
2	Syarikat Soft Lab	Aqram membawa Farisha melihat persekitaran Soft Lab bagi memudahkan Farisha sepanjang menjalankan tugasnya di Soft Lab.
3	Apartmen Farisha	Farisha meunggu Rosman yang belum tiba kerana telah terlewat daripada masa yang telah dijanjikan.

**(iv) Pantai Kasih**

	<b>Latar Tempat (1m)</b>	<b>Huraian – Peristiwa (2m)</b>
1	Pusat Rawatan Pantai Kasih	Dr. Raiha, Dr. Mohamma dan Felicia bekerja di Pusat Rawatan Pantai Kasih
2	Farmasi	Felicia sering menyeludup masuk ke farmasi untuk meminum ubat batuk bagi mengurangkan tekanan yang dihadapinya.
3	Pusat hiburan	Dr. Uwang pergi ke pusat hiburan untuk menghilangkan tekanan yang dihadapinya.
4	Rumah Dr. Uwang	Dr. Sadiz dan Felicia menghadiri majlis sempena sambutan tahun baharu di rumah Dr. Uwang.

**(v) Tirani**

	<b>Latar Tempat (1m)</b>	<b>Huraian – Peristiwa (2m)</b>
1	Pergunungan Matang, Kuching di Sarawak	Rumah inap desa yang dinamakan Chalet Tajau Emas yang diasaskan oleh bapa Waheeda, haji Fadhil terletak di Pergunungan Matang.
2	Silicon Medical Centre (SMC) di Singapura	Waheeda mengambil keputusan melakukan pembedahan plastik di Silicon Medical Centre.
3	Pusat Rawatan Islam (Pusrawi) di Kajang	Waheeda mendapatkan rawatan di Pusrawi akibat tekanan perasaan yang dialaminya selepas bercerai dengan Zahid.
4	Chalet Aya-Sajinah	Pusat peranginan di Cameron Highland yang dimajukan oleh Waheeda selepas ditukarkan namanya daripada Iwana Iwani. Di sini juga Waheeda bertemu semula dengan Zahid selepas 20 tahun berpisah.

**(vi) Songket Berbenang Emas**

	<b>Latar Tempat (1m)</b>	<b>Huraian – Peristiwa (2m)</b>
1	SMK Temenggong Ibrahim di Batu Pahat, Johor	Dahlia belajar di SMK Temenggong Ibrahim. Di sini Zahari meluahkan hasratnya untuk mengikat tali pertunangan dengan Dahlia.
2	Bilik Kerjaya, SMK Temenggong Ibrahim	Cikgu Hisyam dan Dahlia berbincang tentang masalah yang dihadapi oleh Dahlia berhubung dengan keputusan Dahlia untuk keluar dari asrama.
3	Hospital Permai	Saleha menerima rawatan di Hospital Permai kerana dianggap gila oleh penduduk kampung.
4	Hospital Batu Pahat	Embong menerima rawatan di sini kerana diaptuk ular.

**(vii) Silir Daksa**

	<b>Latar Tempat (1m)</b>	<b>Huraian – Peristiwa (2m)</b>
1	Kampung Seri Purnama di Johor	Haiqal pergi ke Kampung Seri Purnama untuk melihat kampung arwah bapanya dan mencari rahsia di sebalik manuskrip lama yang diterimanya.
2	Kedai batik Umi di Pasar Payang, Kuala Terengganu	Haiqal akan bertemu dengan Ratna selepas menjaga kedai batik umi di Pasar Payang
3	Warung Mak Min	Haiqal bertemu dengan Tauke Ong buat pertama kali di warung Mak Min.

**(viii) Bimaksakti Menari**

	<b>Latar Tempat (1m)</b>	<b>Huraian – Peristiwa (2m)</b>
1	Balai Cerap Salahuddin	Nurul Hafsa bekerja sebagai pegawai sains di Balai Cerap Salahuddin. Pelawat dapat menyaksikan juzuk-juzuk kosmos dari platform yang disediakan di Balai Cerap Salahuddin.
2	Kampung Kuantan	Nurul Hafsa pergi ke Kampung Kuantan untuk melihat kelip-kelip.
3	Majlis Daerah Kuala Selangor	Nurul Hafsa menghantar laporannya tentang tahap kecerahan langit Kuala Selangor.
4	Masjid Jamek Sultan Ibrahim di Kuala Selangor	Kenduri kesyukuran untuk meraikan pernikahan kali kedua Tan Sri Muhammin dengan bekas isterinya diadakan di Masjid Jamek Sultan Ibrahim.